



Bank Pilihan Anda

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

| | |
|--|--|
| <p>Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan produk Pembiayaan Perumahan-i. Sila baca bersama terma dan syarat yang terdapat di surat tawaran. Dapatkan penjelasan sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma amnya.</p> | <p>BANK RAKYAT</p> <p>PEMBIAYAAN PERUMAHAN-i</p> <p>Pakej: <<CALPackage>> _____</p> <p>Tarikh: <<TodayDate>> _____</p> |
|--|--|

1. Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini?

- Kemudahan pembiayaan ini membantu anda dalam membiayai pembelian hartanah kediaman, tanah kediaman dan rumah kedai / lot komersial. Harga Jualan Bank diperolehi berdasarkan Kadar Keuntungan Siling yang tetap sepanjang tempoh pembiayaan. Namun, Kadar Keuntungan Efektif dikira berdasarkan kadar terapung / boleh ubah.
- Tujuan pembiayaan:
 - i. Pembelian rumah siap;
 - ii. Pembelian rumah dalam pembinaan;
 - iii. Pembiayaan semula pembiayaan perumahan sedia ada di Bank Rakyat atau institusi kewangan lain.
 - iv. Pembiayaan semula rumah yang tiada cagarang;
 - v. Pembelian tanah lot banglo / tanah tapak perumahan; dan
 - vi. Pembelian rumah kedai / lot komersial.
- Pakej Pembiayaan Perumahan-i Flexi memberi fleksibiliti kepada pelanggan untuk membuat bayaran pendahuluan yang memberi kelebihan kepada pelanggan untuk menjimatkan bayaran keuntungan akaun pembiayaan dan boleh mengurangkan jumlah tempoh bayaran pembiayaan. Di samping itu, pelanggan dibenarkan untuk memohon pengeluaran bayaran pendahuluan pada bila-bila masa tanpa dikenakan yuran dan caj tambahan untuk setiap transaksi tertakluk kepada polisi Bank.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- Kemudahan pembiayaan ini adalah di bawah prinsip Syariah Murabahah (dengan menerima pakai amalan Tawarruq) di mana berdasarkan Wa'd (janji) daripada pelanggan, pihak Bank akan membeli komoditi daripada pembekal komoditi dan seterusnya menjual komoditi kepada pelanggan berdasarkan harga jualan Murabahah (harga kos komoditi beserta keuntungan) secara tangguh. Pihak Bank kemudiannya, sebagai ejen pelanggan, akan menjual komoditi kepada pembeli pihak ketiga secara tunai. Kutipan tunai daripada pembeli pihak ketiga ini akan dimasukkan ke dalam akaun penerima bayaran (payee).
- Jenis komoditi yang digunapakai adalah komoditi yang dibenarkan oleh Jawatankuasa Syariah Bank.

3. Apakah yang saya akan perolehi melalui produk ini?

| | |
|-------------------------|---------------------------|
| Jumlah Pembiayaan | RM <<RevAmt>> |
| Kadar Keuntungan Siling | <<CustRate>> % setahun |
| Jumlah Harga Jualan | RM <<SellingPrice>> |
| Margin Pembiayaan | <<Margin>> % |


| | |
|---|---------------------|
| Tempoh Pembiayaan | <<TotalTerm>> tahun |
| Kadar Keuntungan Efektif | KAS + <<Spread>> % |
| Kadar Asas <i>Standard</i> ("KAS") Semasa | <<CALBRBFR>> % |

4. Apakah Kadar Asas Standard (KAS)?

KAS yang ditawarkan untuk produk ini adalah berdasarkan penanda aras yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia. Kadar penanda aras ditetapkan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang mencerminkan pendirian dasar monetari seperti yang diputuskan oleh Bank Negara Malaysia.

5. Apakah senario yang boleh menyebabkan perubahan KAS?

KAS boleh naik dan turun disebabkan oleh perubahan pada kadar penanda aras, iaitu perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR).

6. Kadar Asas Standard (KAS) Bagi Tempoh 3 Tahun Terkini.

7. Apakah tanggungjawab saya?

- Ansuran bulanan anda adalah sebanyak RM<<Installment>>
- Jumlah bayaran keseluruhan dalam tempoh <<TermYr>> tahun adalah sebanyak RM<<SellingPrice>>.

| Kadar | Hari ini (KAS = __%) | Jika KAS naik 1% | Jika KAS naik 2% |
|---|----------------------|------------------|------------------|
| Ansuran bulanan | RM <<Installment>> | RM | RM |
| Jumlah keuntungan dalam tempoh <<TotalTermYr>> tahun | RM <<TotalProfit>> | RM | RM |
| Jumlah bayaran keseluruhan dalam tempoh <<TotalTermYr>> tahun | RM <<SellingPrice>> | RM | RM |

Nota:

- i. Ansuran bulanan dan jumlah bayaran keseluruhan anda akan berubah jika terdapat perubahan pada KAS. Namun, jumlah bayaran keseluruhan tidak akan melebihi Jumlah Harga Jualan.
 - ii. Pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pelaksanaan sebarang perubahan pada KAS dan Kadar Keuntungan Efektif pembiayaan anda.
- Bayaran pendahuluan atau lebihan bayaran adalah dibenarkan dan akan dikira sebagai bayaran ansuran bulan hadapan. Bayaran pendahuluan atau lebihan bayaran ini akan memberikan kesan terhadap pengiraan keuntungan akaun pembiayaan anda.
 - Untuk Pakej Pembiayaan Perumahan-i Flexi, bayaran pendahuluan adalah dibenarkan dan akan memberi kesan terhadap pengiraan akaun pembiayaan anda. Walaubagaimanapun, bayaran pendahuluan tidak akan dikira sebagai bayaran ansuran bulan hadapan.

8. Adakah saya boleh memohon pengeluaran terhadap bayaran pendahuluan yang telah dibuat bagi Pakej Pembiayaan Perumahan-i Flexi?

- Ya, pelanggan boleh memohon pengeluaran bayaran pendahuluan dalam gandaan RM1,000.
- Pengeluaran tidak dibenarkan daripada jumlah ansuran bulanan yang telah dibayar, dan juga tidak dibenarkan daripada jumlah bayaran pendahuluan yang dibuat melalui atau daripada skim pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Nota:

- i. Sebarang amaun pengeluaran bayaran pendahuluan akan meningkatkan baki prinsipal pembiayaan. Keuntungan baharu akan dikira berdasarkan baki prinsipal pembiayaan terkini.
- ii. Jumlah yang dikeluarkan akan dikreditkan dalam Akaun Simpanan-i / Semasa-i Elektronik / Pelaburan-i pelanggan dengan Bank.
- iii. Pada masa pengeluaran, baki tabung bayaran pendahuluan adalah tertakluk kepada baki minimum RM2,000 atau bersamaan dengan jumlah ansuran sebulan (yang mana lebih tinggi).

9. Apakah caj lain yang perlu dibayar?

| Bil. | Jenis Caj | Amaun / Perincian Caj |
|------|---|--|
| i. | Duti Setem | 0.5% daripada jumlah pembiayaan sepertimana Akta Duti Setem 1949 (Pindaan 1989). |
| ii. | Fi Wakalah | RM28.30 |
| iii. | Yuran Pengeluaran | Termasuk yuran untuk pendaftaran gadaian dan lain-lain caj berkaitan. |
| iv. | Yuran Perundangan | Semua yuran guaman dan perbelanjaan sampingan yang berkaitan dengan pembiayaan anda. |
| v. | Yuran Penilaian | Terpakai bagi hartanah yang telah siap dibina sahaja. |
| vi. | Penyimpanan Dokumen Sekuriti Setelah Penjelasan Penuh | RM10 setiap set sebulan. |
| vii. | Pengeluaran Penyata untuk tujuan pengeluaran KWSP | RM15 setiap dokumen. |

10. Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab?

- Caj gantirugi lewat (Ta`widh) ekoran bayaran lewat adalah seperti berikut:

| | |
|---------------------------------|--|
| Sebelum Tamat Tempoh Pembiayaan | <ul style="list-style-type: none"> • Tidak melebihi kadar satu peratus (1%) setahun ke atas jumlah ansuran bulanan tertunggak. • Tidak melebihi kadar satu peratus (1%) setahun ke atas jumlah baki Harga Jualan Tertunggak sekiranya keingkaran berterusan sehingga pembiayaan ditamatkan. • Tidak melebihi kadar semalaman semasa Pasaran Wang Antara Bank Islam ke atas baki Harga Jualan Tertunggak bermula daripada tarikh penghakiman diperolehi. |
| Selepas Tamat Tempoh Pembiayaan | Tidak melebihi kadar semalaman semasa Pasaran Wang Antara Bank Islam ke atas baki Harga Jualan yang belum jelas. |

- Bank berhak menolak / mempelaras baki akaun pelanggan (Akaun Simpanan / Pelaburan / Saham Keanggotaan) dengan Bank sebagai bayaran kepada jumlah tunggakan. Pihak Bank akan memaklumkan kepada pelanggan tujuh (7) hari sebelum pelaksanaan.
- Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal untuk memberi maklum balas terhadap notis peringatan. Hartanah yang dicagarkan kepada Bank boleh dirampas/ditarik dan pelanggan perlu menanggung semua kos yang berkaitan dalam penjualan aset tersebut. Pelanggan mungkin juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan jumlah pembayaran selepas aset tersebut dijual.
- Jumlah bayaran oleh pelanggan tidak akan melebihi Jumlah Harga Jualan pada setiap masa.

11. Bagaimana jika saya membuat penjelasan penuh sebelum tarikh matang?

- Pihak Bank perlu memberikan rebat (Ibra') ke atas keuntungan tertangguh / belum terakru.
- Tiada tempoh pegangan kecuali Pakej Perumahan-i Zero Entry Costs (ZEC) tertakluk kepada tempoh pegangan lima (5) tahun. Sekiranya penjelasan awal pembiayaan dibuat dalam tempoh pegangan tersebut, Caj Penjelasan Awal yang dikenakan adalah terdiri daripada kos guaman dan perbelanjaan - perbelanjaan sebenar yang dikeluarkan oleh Bank di bawah Pakej ZEC.
- Jumlah penyelesaian awal adalah tertakluk kepada formula di bawah:

Jumlah Penyelesaian Awal = Baki Harga Jualan – Ibra' + Caj Lewat Bayar (jika ada)

Di mana;

Ibra' = Keuntungan Tertangguh + Prinsipal yang belum dikeluarkan (jika ada) – Caj lain (jika ada)

Nota: Ibra' bermakna keuntungan tertangguh yang belum diambilkira sebagai keuntungan yang diperolehi. Perbezaan antara Kos Dana dan Kadar Keuntungan Efektif hanya boleh dituntut apabila Kos Dana adalah lebih tinggi daripada Kadar Keuntungan Efektif.

- Untuk penjelasan awal pembiayaan, anda berhak mendapat rebat atas caruman yang dibuat untuk Takaful Gadaian Janji ("MRTT") daripada syarikat Takaful yang dilantik (jika berkenaan).

12. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

- Pelanggan dikehendaki mengambil perlindungan Takaful Pemilik Rumah untuk rumah kediaman dan Takaful Kebakaran bagi premis rumah kedai / lot komersial dari syarikat Takaful.
- Pelanggan adalah dinasihatkan untuk mengambil Takaful Gadai Janji ("MRTT").
- Pelanggan adalah bebas untuk memilih mana-mana syarikat Takaful yang beroperasi di Malaysia. Namun, bagi mengelakkan sebarang kesulitan, pengambilan pelan takaful daripada syarikat Takaful yang merupakan panel Bank adalah digalakkan.
- Pelanggan hendaklah merujuk kepada polisi MRTT sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal semasa dalam tempoh pembiayaan.

13. Apakah risiko yang perlu saya tanggung?

Pelanggan bertanggungjawab memastikan ansuran bulanan dibayar sepertimana yang dinyatakan dalam perjanjian walaupun pelanggan menghadapi masalah kewangan seperti kehilangan pekerjaan atau sakit.

14. Adakah saya memerlukan cagaran dan penjamin?

Cagaran diperlukan untuk pembiayaan ini manakala bagi penjamin ianya bergantung kepada keupayaan bayaran ansuran pembiayaan dan pertimbangan kredit lain.

15. Adakah saya perlu membayar Deposit Sekuriti?

- Deposit Sekuriti hanya akan dikenakan bagi Pembiayaan Semula (beserta lebih tunai) di mana jumlah yang perlu dibayar adalah sebanyak dua (2) bulan ansuran bulanan yang akan ditolak daripada pembiayaan semasa pengeluaran dibuat dan akan dikreditkan ke dalam Akaun Khas.
- Jumlah Deposit Sekuriti akan digunakan untuk membayar jumlah tunggakan sekiranya pembiayaan mempunyai tunggakan.
- Jumlah Deposit Sekuriti perlu dikekalkan pada bila-bila masa sepanjang tempoh pembiayaan.

Nota:

- i. Pihak Bank akan memaklumkan kepada anda melalui notis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari lebih awasebelum jumlah Deposit Sekuriti digunakan untuk membayar jumlah tunggakan.
- ii. Bagi Pakej Home Financing-i Flexi, bayaran pendahuluan tidak di ambil kira sebagai deposit sekeruti.

16. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumat peribadi?

- Pelanggan perlu menghubungi kami dengan segera jika terdapat perubahan terhadap maklumat peribadi bagi memastikan sebarang bentuk komunikasi dapat dihantar tepat pada masanya.
- Sila hubungi Pusat Panggilan di talian 1-300-80-5454 atau kunjungi mana-mana cawangan untuk mengemaskini maklumat peribadi.

17. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan apabila menghadapi masalah kewangan?

- Sekiranya anda mengalami kesulitan kewangan, anda perlu segera menghubungi pihak Bank untuk membincangkan berkenaan penyelesaian pembayaran alternatif.
- "Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, **pendidikan kewangan** dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

AKPK HQ KUALA LUMPUR

Level 5 and 6

Menara Aras Raya (Formerly known as Menara Bumiputera Commerce)

Jalan Raja Laut

50350 Kuala Lumpur

Tel: 03-26167766

E-mail: enquiry@akpk.org.my

| | | |
|---|---|---|
| <p>18. Di manakah saya boleh memperoleh maklumat lanjut?</p> <p>Sila rujuk risalah produk untuk butiran terperinci atau layari www.bankrakyat.com.my</p> | <p>Sebarang cadangan dan pertanyaan anda boleh disalurkan ke:</p> <p>Pusat Panggilan di talian: 1-300-80-5454</p> <ul style="list-style-type: none"> 7.30 pagi hingga 9.30 malam Talian dibuka untuk semua pertanyaan 9.30 malam hingga 7.30 pagi Talian dibuka terhad untuk menyemak status permohonan, urusan perbankan internet dan melaporkan kehilangan kad <p>Atau</p> <p>Talian Antarabangsa +603 5526 9000</p> <p>Atau</p> <p>Talian Faksimili 03-22647301</p> <p>Atau emel ke telerakyat@bankrakyat.com.my</p> | <p>Anda boleh membuat aduan dengan menghubungi:</p> <p>Pusat Panggilan di talian 1-300-80-5454</p> <p>atau menghantar aduan anda ke:</p> <p>Unit Biro Aduan Awam, Khidmat Pelanggan, Tingkat 9, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral, 50470 Kuala Lumpur</p> <p>atau e-mel ke: aduan@bankrakyat.com.my.</p> <p>atau hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di: Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur Tel: 1-300-88-5465 Fax: 03-21741515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my</p> |
| <p>19. Lain-lain pakej Pembiayaan Perumahan-i yang ditawarkan.</p> | | |
| <ul style="list-style-type: none"> Pembiayaan Perumahan-i Pembiayaan Perumahan-i (ZEC) Pembiayaan Perumahan-i (My 1st Home) Pembiayaan Perumahan-i (PR1MA) Pembiayaan Perumahan-i (SJKP) Pembiayaan Perumahan-i Flexi Pembiayaan Perumahan-i (Pakej rumah kediaman – Bukan Warganegara) Pembiayaan Perumahan-i (Pakej rumah kediaman – Bukan Warganegara MM2H) Pembiayaan Perumahan-i (Pakej rumah kediaman – Bukan Warganegara Sarawak MM2H) | | |
| <p>NOTA PENTING:</p> <ul style="list-style-type: none"> TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN AKAN DIKENAKAN JIKA ANDA <u>TIDAK</u> MELUNASKAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN-i INI. PRODUK INI TELAH MENDAPAT KELULUSAN JAWATANKUASA SHARIAH PADA _____. MAKLUMAT YANG DINYATAKAN DI DALAM HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK INI SAH PADA _____. | | |